

20 JUL 2003

Sabah-MCA (Resolusi)/I

MCA SABAH MINTA KERUSI P/RAYA DI SABAH

SANDAKAN, 20 Julai (Bernama) -- Konvensyen MCA Sabah hari ini antara lain menerima resolusi bahawa parti itu diperuntukan kerusi untuk bertanding di pilihan raya negeri dan Parlimen akan datang.

Resolusi-resolusi itu di bawah tajuk politik, hal-hal parti dan sosial juga memutuskan supaya hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk berundur pada Oktoer ini dihormati dan menyatakan sokongan penuhnya kepada pengganti beliau Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

MCA Sabah juga menyeru supaya kepimpinan pusat MCA memastikan MCA Sabah mengambil bahagian dalam pilihan raya negeri dan Parlimen akan datang.

Di bawah resolusi sosial, MCA Sabah menyeru Kerajaan Negeri untuk mendapatkan lebih banyak peruntukan semasa kajian semula pertengahan penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) bagi meningkatkan kemudahan awam khasnya bekalan air di Sandakan.

Mereka juga menyeru kerajaan supaya membina lebih banyak rumah-rumah kos rendah untuk memenuhi permintaan penduduk Sabah dan menangani masalah kesesakan lalulintas di bandar-bandar utama.

Pada masa yang sama ia juga mahukan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) mengurangkan kadar bayaran tempat letak kereta.

Di bawah hal-hal parti, konvensyen itu mengucapkan tahniah dan menyatakan sokongan tanpa belah bahagi kepada Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy masing-masing sebagai presiden dan timbalan presiden parti.

Mereka juga mengucapkan terima kasih kepada bekas presiden Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan bekas Timbalan Presiden Datuk Lim Ah Lek kerana sumbangan mereka bagi parti dan masyarakat Cina sejak 30 tahun lepas.

Resolusi itu diterima oleh konvensyen sehari yang dirasmikan oleh Ong.

-- BERNAMA

JS MFJ PR